

# Dasar pengajaran Sains, Matematik dalam BI diteruskan

UM 2 1 OCT 2003

PULAU PINANG 20 Okt. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberi komitmen untuk meneruskan dasar pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah selepas mengambil alih kepimpinan negara hujung bulan ini.

Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad berkata, Timbalan Perdana Menteri menyatakan komitmen itu secara peribadi dan terbuka kepadanya untuk meneruskan dasar yang diperkenalkan sejak awal tahun ini.

Menurutnya, pendirian serupa turut diulangi oleh Abdullah ketika perbincangan mengenai kajian semula Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) baru-baru ini.

“Datuk Seri Abdullah telah berulang kali menyatakan

komitmen dan pendirian itu, oleh itu tidak ada sebarang perubahan dasar Sains dan Matematik selepas kepimpinan kerajaan bertukar,” katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau ditanya mengenai kemungkinan terdapat perubahan dasar pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Dasar tersebut diperkenalkan untuk memastikan pelajar dapat menguasai sepenuhnya ilmu sains dan teknologi yang hampir keseluruhannya hanya boleh ditimba dalam bahasa Inggeris.

Kajian khas oleh Pusat Perkembangan Kurikulum pada Mei lepas menunjukkan pencapaian dalam mata pela-

jaran Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris di sekolah pada keseluruhannya adalah baik.

Pelaksanaan pengajaran sains dan matematik tahun depan akan melibatkan Tahun Satu dan Dua bagi sekolah rendah manakala Tingkatan Satu dan Dua bagi sekolah menengah.

Bagi Tingkatan Enam, ia akan dijalankan sepenuhnya iaitu di Tingkatan Enam Bawah dan Atas serta Semua Kolej Matrikulasi.

Sebanyak 30,000 guru di Tahun Dua, Tingkatan Dua, Tingkatan Enam Atas dan pensyarah di Kolej Matrikulasi akan terlibat dalam pelaksanaan dasar itu menerusi peruntukan sejumlah RM500 juta daripada Kementerian Pendidikan.